

## Persepsi dan Cabaran Guru Prasekolah Terhadap Pelaksanaan Pendekatan *Home-Based Learning* (HBL) Semasa Covid-19

### *(Preschool Teachers' Perceptions And Challenges Regarding The Implementation Of Home-Based Learning Approach During Covid-19)*

Nurhana Sabri<sup>1\*</sup> , Suziyani Mohamed<sup>2</sup> 

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p113327@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: suziyani@ukm.edu.my

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Nurhana Sabri

(p113327@siswa.ukm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah

Persepsi

Cabaran

Covid-19

#### KEYWORDS:

Home-Based Learning

Perceptions

Challenges

Covid-19

#### CITATION:

Nurhana Sabri & Suziyani Mohamed. (2023). Persepsi dan Cabaran Guru Prasekolah Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Home-Based Learning (HBL) Semasa Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002076. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2076>

#### ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah memberi impak kepada sistem pendidikan di Malaysia. Tenaga guru, murid dan sekolah paling terkesan apabila proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak dapat berlangsung ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Justeru itu, pihak kementerian telah memperkenalkan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) atau Home-Based Learning (HBL). Antara pendekatan pembelajaran merangkumi pembelajaran dalam talian, pembelajaran luar talian atau pembelajaran di lokasi komuniti. Kajian berbentuk kajian tinjauan dijalankan bertujuan meneroka persepsi dan cabaran guru prasekolah terhadap pelaksanaan pendekatan HBL. Responden dipilih secara rawak adalah 36 orang guru prasekolah di negeri Melaka. Borang soal selidik elektronik telah diagihkan kepada guru untuk dijawab menggunakan aplikasi Telegram dan WhatsApp. Hasil kajian mendapati guru bersedia dengan pelaksanaan pendekatan HBL. Namun begitu, guru masih perlu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pedagogi dalam penyampaian pengajaran pendekatan HBL dan berusaha mengatasi cabaran dalam pelaksanaannya. Implikasi kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak kementerian dan pihak pentadbir untuk merancang pembelajaran di peringkat prasekolah dengan lebih berkesan memandangkan tumpuan dan tahap kognitif murid prasekolah adalah berbeza dengan murid arus perdana dengan menggunakan teknologi pendidikan sedia ada.

#### ABSTRACT

The Covid-19 pandemic has impacted the education system in Malaysia. Teachers, students and schools are most effected if the teaching and learning process (PdP) cannot be take place during the Movement Control Order (PKP) period. Therefore, the ministry has introduced the Teaching

and Learning at Home (PdPR) or Home-Based Learning (HBL) approach. The HBL approaches include online learning, offline learning or learning at community locations. This quantitative study uses the survey method was carried out to investigate the perceptions and challenges faced by preschool teachers regarding the implementation of the HBL approach. Respondents were randomly selected from 36 preschool teachers in the state of Melaka. Online questionnaire by Google Form have been distributed to teachers to be answered using the Telegram and Whatsapp applications. The results of the survey found that teachers were willing to implement the HBL approach. However, teachers still need to improve their pedagogical skills and knowledge in teaching. Besides, they also have to overcome the challenges during the implementation of HBL approach. The implications of this study are expected to inform policymakers and administrators to design new and effective learning approach considering the foundations and cognitive stages of preschool students are different from mainstream students using existing educational technology in Malaysia.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah menyiasat pelaksanaan pendekatan PdPR dan cabaran yang dihadapi guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan dalam tempoh pandemik Covid-19.

## 1. Pengenalan

Wabak pandemik Covid-19 telah mengancam seluruh negara dalam pelbagai sektor. Di Malaysia, wabak ini turut mengancam sektor pendidikan. Keadaan ini memaksa kerajaan untuk menangguhkan pembukaan sekolah di seluruh negara seterusnya beralih kepada aktiviti pengajaran secara dalam talian yang dilaksanakan secara luar normal, iaitu di rumah. Kaedah pembelajaran di rumah boleh berasaskan web, latihan dan interaksi atas talian. Dalam hal ini, keluarga memainkan peranan penting sebagai pembimbing murid.

Menteri Kanan Pendidikan Dr Radzi Jidin telah memperkenalkan pendekatan Home-Based Learning (HBL) sebagai satu pendekatan baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap guru, murid dan ibu bapa (Jidin, 2020). Pendekatan ini turut dikenali sebagai Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan sebagai pembelajaran alternatif semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaannya perlu memenuhi beberapa prinsip asas iaitu mengelakkan keciciran murid dalam pembelajaran, memenuhi keperluan asas pembelajaran murid dan memastikan kesejahteraan sosioemosi murid. Maka, ruang dan peluang diberikan kepada pihak sekolah bagi mengatur strategi sekolah untuk memastikan proses PdP berlaku secara optimum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Proses PdP menggunakan pendekatan tersebut boleh berlaku dengan peranti sekiranya terdapat capaian internet. Antara medium pembelajaran sering kali digunakan seperti Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa), Cikgootube, EduWebTV, aplikasi media sosial, penggunaan aplikasi seperti seperti Google Meet atau Microsoft Teams secara lintas langsung (*live streaming*), penggunaan E- Permainan

(*gamification*) atau menggunakan video youtube, klip audio, e-Buku, rakaman video guru dan tugas dalam talian.

Lee Yong dan Ramachandran (2021) menjelaskan dengan pandangan bahawa pendekatan HBL memberikan kelebihan kepada pedagogi guru kerana guru-guru berpeluang untuk meneroka kaedah baharu dalam pedagogi pengajaran. Dalam tempoh pandemik ini, mereka digalakkan untuk melakukan inovasi dalam penyampaian pengajaran menggunakan teknologi untuk menarik minat murid secara bermakna. Namun begitu, terdapat kekurangan dalam pelaksanaan pendekatan HBL disebabkan beberapa faktor seperti lokasi kediaman guru dan murid yang mempunyai capaian internet yang kurang baik. Kenyataan UNICEF (2020) menjelaskan pendekatan HBL kurang membantu murid di kawasan luar bandar dan kampung orang asli terpencil dalam tempoh pandemik Covid-19. Sebahagian ibu bapa berpendapat bahawa sesi persekolahan dalam talian adalah mencabar atau membosankan kerana kebanyakan ibu bapa tidak dapat membantu pembelajaran murid di rumah. Perkara ini disebabkan faktor ibu bapa buta huruf, kekurangan peralatan dan kemudahan ICT seperti telefon pintar, komputer riba, tablet atau akses liputan kepada internet yang terhad. Hakikatnya, sesi persekolahan adalah kurang berkesan bagi murid di kawasan ini mahupun murid di kawasan pedalaman sepanjang tempoh pengoperasian sekolah ditutup.

Selain itu, kajian Mailis (2021) terhadap guru perdana sekolah kebangsaan mendapati bahawa guru masih kurang mahir dalam pelaksanaan pendekatan HBL. Analisis maklumat SPSS mendapati bahawa pandangan guru tentang pelaksanaan pendekatan HBL berada pada tahap interpretasi sederhana dengan perolehan skor min sebanyak 3.29. Berdasarkan pembacaan literatur, pelaksanaan kajian ke atas guru prasekolah masih kurang dijalankan memandangkan kajian hanya tertumpu kepada responden dari guru aliran perdana sahaja. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pandangan dan cabaran yang dihadapi guru prasekolah melalui pendekatan HBL semasa tempoh pandemik Covid-19. Kajian berbentuk tinjauan dijalankan terhadap guru prasekolah dalam negeri Melaka. Kandungan item soalan dalam borang soal selidik telah diubahsuai mengikut skop kajian bagi menjawab soalan deskriptif berkenaan pandangan terhadap pendekatan HBL dan cabaran guru prasekolah semasa pelaksanaannya. Persoalan kajian adalah:

- i. Apakah persepsi guru prasekolah terhadap pembelajaran melalui pendekatan HBL?
- ii. Apakah cabaran guru prasekolah dalam melaksanakan pembelajaran melalui pendekatan HBL?

## 2. Sorotan Literatur

Kesan pandemik Covid-19 telah mengubah corak kehidupan murid kepada norma baharu yang menekankan pembelajaran melalui pendekatan HBL. Walaupun berada dalam norma baharu, guru masih dianggap penting dalam melaksanakan proses PdP secara menyeluruh, berkesan dan optimistik. Pendapat ini disokong oleh Pusparini dan Sriyati (2017) menyatakan guru adalah salah satu elemen penting dalam sistem sekolah. Pengetahuan dan pengalaman guru akan memberi kesan kepada cara penyampaian pelajaran dalam kelas secara maya. Antara perubahan pengajaran guru adalah pengajaran dalam talian menggunakan pelbagai alat dan sumber digital bagi menangani cabaran pendidikan dalam tempoh pandemik Covid-19 (Greenberg et al., 2021). Selain itu, guru juga berperanan untuk meningkatkan kualiti pengajaran berasaskan peraturan dan panduan pendekatan HBL iaitu sambungan internet, penggunaan peranti dan pembelajaran masa nyata melalui program DELIMA seperti Google Meet, Zoom, e-

gamifikasi, video, klip audio, eBuku, rakaman video (Lubis et al., 2021). Dengan panduan ini, guru-guru diharapkan akan bersikap lebih kreatif dan optimis untuk mempelbagaikan pendekatan HBL lebih-lebih lagi dengan bantuan profesionalisme daripada barisan pentadbir serta bantuan dari rangkaian interaksi di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Pejabat Pendidikan Negeri (JPN) agar proses PdP boleh diteruskan dengan jayanya.

Dalam menjayakan peranan guru dalam PdP semasa tempoh Covid-19, pandangan mereka terhadap pelaksanaan pendekatan HBL perlu dititikberatkan. Kajian Rasmitadila et al. (2020) dan Che Azizan dan Mohd Nasri (2020) terhadap guru-guru sekolah rendah mendapati bahawa guru-guru menunjukkan sikap positif dalam melaksanakan pembelajaran melalui pendekatan HBL. Responden kajian menjelaskan bahawa seseorang guru perlu bersikap kreatif dan inovatif dalam merancang kaedah pengajaran supaya objektif pembelajaran tercapai. Kenyataan ini telah disokong oleh Mohalik dan Suparna (2020) dengan pandangan bahawa guru yang kreatif dan inovatif mudah mengadaptasi pembelajaran dalam talian. Antara inisiatif guru yang dilakukan adalah menghantar tugas kepada murid dalam talian, mengemas kini tugas dari masa ke masa serta menyediakan bahan bantu mengajar lebih efektif dan menarik berbantuan kemudahan teknologi semasa. Sesungguhnya, pembelajaran dalam talian amat rapat dengan kehidupan murid zaman kini yang menggemari dan cenderung kepada permainan atas talian, menonton *Youtube Channel* dan sebagainya. Kajian oleh Mustapa dan Norman (2022) turut menyokong pelaksanaan pendekatan HBL dalam tempoh pandemik. Skop kajian kuantitatif memfokuskan kepada perhubungan tahap penguasaan digital guru prasekolah dengan tahap kesediaan guru bagi melaksanakan PdP berdasarkan pendekatan HBL. Hasil dapatan telah mengenal pasti terdapat hubungan positif yang sangat kuat dan signifikan antara kedua-dua konstruk.

Namun begitu, kajian Irfan dan Iman (2020) menjelaskan pendapat berbeza berkenaan pendekatan HBL. Dapatan kajian mendapati responden guru bersetuju kaedah ini dilaksanakan dalam tempoh pandemik tetapi tidak bersetuju sekiranya kaedah ini digunakan sebagai pengganti kepada pembelajaran tradisional kerana kaedah pengajaran tradisional merupakan kaedah yang digemari bagi sesetengah guru. Manakala, kajian oleh Dumford dan Miller (2018) menjelaskan pembelajaran berdasarkan pendekatan ini mempunyai beberapa kelemahan terutamanya ke atas murid iaitu kurangnya interaksi, kerjasama dan toleransi dalam kumpulan yang sepatutnya ditekankan dalam kelas serta tidak dapat diwujudkan dalam pembelajaran dalam talian. Berdasarkan pandangan tersebut, pembelajaran menggunakan pendekatan HBL boleh diklasifikasikan dari dua sudut pandangan yang berbeza. Sesetengah guru bersikap positif dengan pelaksanaan pendekatan HBL dan sesetengah guru bersikap negatif dengan pelaksanaannya pada bila-bila masa dan keperluan hanyalah dalam situasi kecemasan sahaja.

Kekurangan dalam pelaksanaan pendekatan HBL membentuk cabaran baharu bagi guru untuk diatasi dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk mendidik murid prasekolah walaupun dalam situasi pelbagai situasi seperti pandemik Covid-19. Antara cabaran yang dihadapi adalah kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala bersama murid. Kajian Lapada et al. (2020) menjelaskan terdapat kesukaran bagi mewujudkan komunikasi dua hala bersama murid menggunakan pendekatan ini. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh guru dan murid telah terbiasa dengan sesi pembelajaran secara bersemuka. Misty (2020) menjelaskan sesetengah guru kurang memberi sokongan dalam pelaksanaan pendekatan ini disebabkan oleh beban tugas yang banyak iaitu tugas

mengajar yang berat serta tugas pentadbiran. Antara beban tugas mengajar yang berat adalah merancang pengajaran, mengendalikan pelbagai kelas dalam sehari, menyusun strategi pengajaran dengan penglibatan 20-40 orang murid dalam kelas, menghadapi masalah teknikal, dan memberikan sokongan emosi untuk murid.

Seterusnya, kajian [Irfan dan Iman \(2020\)](#) pula mengenal pasti cabaran pelaksanaan pendekatan HBL melibatkan sokongan ibu bapa. Sesetengah ibu bapa kurang memberi sokongan kepada anak mereka untuk belajar dari rumah menyebabkan mereka tidak mengikuti sesi pembelajaran dalam talian. Pembelajaran berdasarkan pendekatan HBL akan berkesan sekiranya ibu bapa atau penjaga memberi sokongan kepada anak-anak mereka. Rumusannya, pelaksanaan pendekatan HBL mempunyai cabaran tersendiri baik dari pihak ibu bapa mahupun pihak guru. Antara cadangan penambahbaikan adalah guru perlu membina hubungan baik dengan ibu bapa sekali gus dapat berkomunikasi dengan baik sepanjang pelaksanaan pendekatan HBL.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan untuk mendapatkan persepsi guru tentang pelaksanaan pendekatan HBL dalam pandemik Covid-19 dan mengenal pasti cabaran guru prasekolah dalam pelaksanaan pendekatan tersebut. Kajian tinjauan dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan situasi kajian di sesuatu tempat ([Darussalam & Husin, 2018](#)). Kajian dijalankan di negeri Melaka ke atas 36 orang guru prasekolah negeri Melaka. Pemilihan saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan [Jadual 1](#), Penentuan Saiz Sampel oleh [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#) iaitu seramai n=36 orang guru telah menjadi responden dalam kajian ini. Teknik pemilihan sampel berdasarkan saiz sampel dipatuhi bagi mengelakkan bias kajian dalam aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dalam penyelidikan.

Borang soal selidik elektronik melalui platform Google Forms digunakan dan diedarkan melalui aplikasi telegram dan WhatsApp. Kandungan borang soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan dengan maklumat latar belakang guru prasekolah, Bahagian B ialah berkaitan persepsi guru prasekolah terhadap pendekatan HBL semasa pandemik Covid-19 dan Bahagian C pula berkaitan dengan cabaran guru prasekolah semasa pelaksanaan pendekatan HBL. Borang soal selidik diubahsuai daripada kajian [Che Azizan dan Mohd Nasri \(2020\)](#) serta berfokus kepada persepsi guru terhadap pendekatan HBL dan cabaran yang dihadapi. Beberapa item soalan telah diringkaskan dan digugurkan kerana kurang sesuai dengan skop kajian. Borang soal selidik menggunakan skala Likert terdiri daripada lima kemungkinan jawapan, iaitu Tahap Skor 1: Sangat Tidak Setuju (STS), Tahap Skor 2: Tidak Setuju (TS), Tahap Skor 3: Kurang Setuju (KS), Tahap Skor 4: Setuju (S) dan Tahap Skor 5: Sangat Setuju (SS). Pengkaji telah mendapatkan kesahan instrumen dari pakar iaitu pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Proses analisis data dilakukan berdasarkan analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratus untuk merumus dan membuat kesimpulan kajian ([Gravetter & Wallnau, 2016](#)).

Jadual 1: Penentuan Saiz Sampel oleh [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#)

Populasi	Sampel (n)	Populasi	Sampel (n)
10	10	65	56
15	14	70	59
20	19	75	63

25	24	80	66
30	28	85	70
35	32	90	73
40	36	95	76
45	40	100	80
50	44	110	86
55	48	120	92
60	52	130	97

## 4. Dapatan Kajian

### 4.1. Demografi Responden

Seramai 36 orang responden kajian terdiri daripada guru-guru prasekolah dalam negeri Melaka telah menjawab borang soal selidik. Penerangan demografi responden melibatkan empat aspek iaitu lokasi sekolah, jenis sekolah, tempoh pengalaman mengajar dan tahap pendidikan guru prasekolah.

Dapatan data daripada 36 responden dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratus. Berdasarkan [Jadual 2](#), responden dari luar bandar lebih ramai dengan kekerapan 27 orang (75%) manakala kekerapan responden dari bandar adalah 9 orang (25%). Bagi item jenis sekolah, responden paling ramai berada di sekolah kebangsaan iaitu sebanyak 83.3%, responden daripada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta lain sekolah sebanyak 5.5.% bersamaan kekerapan sebanyak 2 orang responden. Bagi item pengalaman mengajar pula, item pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu 16 orang responden (44.4%) diikuti dengan tempoh pengalaman mengajar 16-20 tahun sebanyak 8 orang (22.2%) serta tempoh pengalaman mengajar selama 11 hingga 15 tahun dan 21 tahun ke atas dengan kekerapan 6 orang responden bersamaan 16.7%. Akhir sekali, item tahap pendidikan guru dengan tahap ijazah sarjana muda mencatatkan kekerapan paling tinggi iaitu 29 orang (80.6%), tahap sarjana sebanyak 5 orang bersamaan 13.9% dan tahap diploma sebanyak 2 orang responden iaitu 5.6%. Tiada responden dengan tahap pendidikan doktor falsafah dianalisis berdasarkan dapatan demografi responden.

Jadual 2: Profil Demografi Responden

Item		Kekerapan	Peratus
Lokasi Sekolah	Bandar	9	25
	Luar Bandar	27	75
Jenis Sekolah	SK	30	83.3
	SJK (C)	2	5.6
	SJK(T)	2	5.6
	Lain-lain	2	5.6
Pengalaman Mengajar	Bawah 5 tahun	-	-
	6-10 tahun	16	44.4
	11-15 tahun	6	16.7
	16-20 tahun	8	22.2
	21 tahun ke atas	6	16.7
Tahap Pendidikan Guru	Diploma	2	5.6
	Ijazah Sarjana Muda	29	80.6
	Sarjana Muda	5	13.9
	Doktor Falsafah	-	-

## 4.2. Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Melalui Pendekatan HBL

Jadual 3 menunjukkan dapatan peratusan pandangan responden terhadap pembelajaran melalui pendekatan HBL. Berdasarkan nilai peratusan yang diperolehi, bacaan nilai tertinggi adalah berbeza mengikut item soalan dan tahap skor. Bagi item 1, responden kurang bersetuju bahawa pendekatan HBL mudah untuk dipelajari dengan nilai peratusan sebanyak 44.4%. Bagi item 2, responden bersetuju bahawa pembelajaran pendekatan HBL memudahkan mereka untuk membina bahan pengajaran iaitu sebanyak 38.9%. Bacaan nilai peratusan tertinggi sebanyak 44.4% bagi item 3 menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa pendekatan HBL menjadikan bahan bantu mengajar lebih efektif dan menarik perhatian murid. Seterusnya, bacaan nilai peratusan tertinggi dicatatkan bagi item 4 sebanyak 41.7% menjelaskan bahawa responden bersetuju bahawa pendekatan HBL memudahkan guru untuk mengemas kini bahan pengajaran daripada masa ke masa. Bagi item 5 pula, nilai bacaan peratusan tertinggi iaitu 38.9% menjelaskan bahawa responden kajian bersetuju bahawa pendekatan HBL memudahkan saya menghantar tugas kepada murid. Bacaan nilai peratusan tertinggi item 6 mencatatkan 36.1% menjelaskan bahawa responden tidak bersetuju bahawa pendekatan HBL memudahkan saya membuat penilaian terhadap murid. Akhir sekali, bagi bacaan nilai tertinggi item 7 menunjukkan 33.33% iaitu responden kurang bersetuju bahawa pendekatan HBL lebih menarik berbanding pembelajaran konvensional.

Jadual 3 : Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Melalui Pendekatan HBL

Pernyataan	Tahap Persetujuan									
	TS 1	%	TS 2	%	TS 3	%	TS 4	%	TS 5	%
Pembelajaran pendekatan HBL mudah untuk dipelajari	2	5.6	7	19.4	16	44.4	10	27.8	1	2.8
Pembelajaran pendekatan HBL memudahkan saya menyediakan bahan pengajaran	1	2.8	7	19.4	13	36.1	14	38.9	1	2.8
Pembelajaran pendekatan HBL menjadikan bahan bantu mengajar saya lebih efektif dan menarik	1	2.8	6	16.7	9	25.0	16	44.4	4	11.1
Pembelajaran pendekatan HBL memudahkan saya mengemaskini bahan pengajaran daripada masa ke masa	1	2.8	5	13.9	14	38.9	15	41.7	1	2.8
Pembelajaran pendekatan HBL memudahkan saya menghantar tugas kepada murid	2	5.6	5	13.9	11	30.5	14	38.9	4	11.1
Pembelajaran pendekatan HBL memudahkan saya membuat penilaian terhadap murid	5	13.9	13	36.1	9	25	9	25	0	-
Pembelajaran pendekatan HBL lebih menarik berbanding pembelajaran konvensional	5	13.9	8	22.2	12	33.3	8	22.2	3	8.3

### 4.3. Cabaran Guru Dalam Melaksanakan Pembelajaran Melalui Pendekatan HBL

Jadual 4 menunjukkan peratusan bagi cabaran yang dihadapi guru prasekolah terhadap pembelajaran melalui pendekatan HBL. Keenam-enam item cabaran yang dikaji mencatatkan nilai bacaan peratusan yang berbeza-beza. Bagi item 1, responden kurang bersetuju dengan cabaran kurang pengetahuan dan kemahiran terhadap pendekatan HBL sebanyak 47.2%. Ini membuktikan bahawa guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan pendekatan HBL. Seterusnya, bagi item 2 mencatatkan nilai peratusan tertinggi iaitu 33.3%. Sebanyak 12 orang responden menjelaskan terdapat cabaran dalam mewujudkan komunikasi dua hala dengan murid. Manakala, 15 orang responden sangat bersetuju dengan menyatakan kesukaran dalam pelaksanaan pendekatan HBL apabila tidak mempunyai akses internet yang stabil. Nilai peratusan tertinggi bagi item 3 yang dicatatkan adalah 41.7%. Sementara itu, 11 orang responden kurang bersetuju dengan cabaran iaitu tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain dalam pelaksanaan pendekatan HBL sebanyak 30.6%. Ini membuktikan bahawa kebanyakan guru telah mempunyai kelengkapan peranti yang mencukupi bagi melaksanakan pendekatan HBL dalam tempoh pandemik Covid-19. Bagi item 5 iaitu guru kurang mahir dalam penggunaan media sosial, e-mel dan platform pendidikan atas talian mencatatkan nilai peratusan tertinggi 33.3% pada tahap skor TS4 iaitu setuju. Akhir sekali, bagi bacaan nilai tertinggi item 6 menunjukkan 33.3% iaitu responden sangat setuju bahawa pelaksanaan pendekatan HBL menjadi lebih mencabar kerana kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa.

Jadual 4 : Cabaran Guru Untuk Melaksanakan Pembelajaran Melalui Pendekatan HBL

Pernyataan	Tahap Persetujuan									
	TS1	%	TS2	%	TS3	%	TS4	%	TS5	%
Kurang pengetahuan dan kemahiran	1	2.8	3	8.4	17	47.2	14	38.9	1	2.8
Kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala dengan murid	0	-	5	13.9	8	22.2	11	30.6	12	33.3
Tidak mempunyai akses internet yang stabil	1	2.8	4	11.1	7	19.4	9	25	15	41.7
Tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain	3	8.3	8	22.2	11	30.6	8	22.2	6	16.7
Tidak mahir dalam penggunaan media sosial, e-mel dan platform pendidikan atas talian	1	2.8	10	27.8	8	22.2	12	33.3	5	13.9
Kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa/penjaga	0	-	4	11.1	10	27.8	10	27.8	12	33.3

### 5. Perbincangan

Kajian ini merumuskan bahawa guru prasekolah di Melaka telah bersedia melaksanakan pembelajaran melalui pendekatan HBL dalam tempoh pandemik Covid-19. Kesiediaan guru dalam melaksanakan pendekatan HBL adalah tinggi walaupun situasi pandemik merupakan satu norma baharu dalam kehidupan. Akan tetapi, kekurangan kemahiran dan pengetahuan pedagogi guru bagi pelaksanaan pendekatan HBL menyebabkan pelaksanaannya terutamanya pembelajaran atas talian menjadi kurang berkesan dan tidak mencapai objektif pengajaran. Hal ini kerana tempoh masa yang panjang diperlukan bagi penyesuaian diri guru dalam situasi ini. Sungguhpun begitu, guru prasekolah tetap menangani cabaran yang datang memandangkan pengajaran guru adalah penting kepada murid prasekolah. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian [Rasmitadila et al. \(2020\)](#) mendapati bahawa guru-guru telah menunjukkan sikap positif dan berusaha menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menyampaikan pengajaran melalui pendekatan HBL semasa tempoh pandemik Covid-19. Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan responden telah bersetuju bahawa pembelajaran melalui pendekatan HBL menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif antaranya dalam penyediaan bahan bantu mengajar yang menarik dan lebih efektif. Kajian oleh [Mohalik dan Suparna \(2020\)](#) juga menyokong dapatan kajian ini berdasarkan dapatan kajian mereka mendapati bahawa sifat guru yang kreatif dan inovatif telah membantu mereka dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan dalam pelbagai cara seperti menyediakan bahan bantu mengajar lebih menarik dan berkesan berbantuan kemudahan teknologi semasa.

Namun begitu, pelaksanaan pendekatan HBL menjadi kurang berkesan sekiranya kurang akses kepada capaian internet yang stabil dan kurang sokongan daripada ibu bapa. Walaupun responden kajian tidak mempunyai masalah bagi menyediakan peranti telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain, namun masalah kurang akses kepada capaian internet menyukarkan murid prasekolah dalam pembelajaran melalui pendekatan HBL terutamanya pembelajaran secara dalam talian. Dapatan kajian ini telah disokong oleh kenyataan [UNICEF \(2020\)](#) menjelaskan bahawa pelaksanaan pendekatan HBL di kawasan luar bandar, perkampungan orang asli dan kawasan pedalaman adalah kurang memberangsangkan disebabkan faktor kurangnya akses capaian internet di kawasan mereka. Akses yang tidak memuaskan telah menjadi cabaran kepada guru dalam pelaksanaan pembelajaran melalui pendekatan HBL. Seterusnya, faktor kurangnya sokongan pembelajaran dari ibu bapa di rumah turut memberi kesan terhadap pelaksanaan pendekatan HBL. Responden dalam kajian sangat bersetuju dengan cabaran ini. Berdasarkan dapatan kajian oleh [Irfan dan Iman \(2020\)](#) bersetuju bahawa penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran melalui pendekatan HBL yang kurang memberangsangkan menyebabkan murid prasekolah tidak mengikuti sesi pembelajaran dalam talian. Ini menunjukkan ibu bapa tidak mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak mereka.

## 6. Kesimpulan

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak kementerian dan pihak pentadbir untuk merancang pembelajaran prasekolah dengan lebih berkesan dalam tempoh pandemik Covid-19 memandangkan tumpuan dan tahap kognitif murid prasekolah masih lemah dan berbeza dengan murid arus perdana dengan menggunakan teknologi pendidikan yang sedia ada. Turut diharapkan, panduan pembelajaran tersebut dapat membantu pembelajaran murid di alam maya.

Sebagai kesimpulan menunjukkan guru prasekolah telah bersedia dalam melaksanakan pembelajaran melalui pendekatan HBL dalam tempoh pandemik Covid-19. Namun begitu, penguasaan pengetahuan dan kemahiran pedagogi dalam pelaksanaan pendekatan HBL perlu dikuasai sepenuhnya dan guru memerlukan tempoh masa yang panjang bagi menguasai setiap kemahiran pengajaran dalam situasi norma baharu. Selain itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk masa akan datang bagi pelaksanaan penyelidikan melibatkan kaedah penyelidikan yang berbeza, responden di lokasi lain berserta penambahbaikan kandungan item soal selidik untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperolehi daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis merakamkan ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua responden yang memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Che Azizan, S.N.B & Mohd Nasri, N.F. (2020). Pandangan Guru terhadap Pembelajaran Dalam Talian Melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) Semasa Tempoh Pandemik COVID-19. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57.
- Dumford, A.D. & Miller, A. L. (2018). Online Learning in higher education: Exploring advantages and disadvantages for engagement. *Journal Computer High Education*, 30, 452-462.
- Darussalam, G. & Husin, S. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gravetter, F. J., & Wallnau, L. B. (2016). *Statistics For The Behavioral Sciences*. Cengage Learning.
- Greenberg, J. A., Schwarz, E., Paige, J., Dort, J., & Bachman, S. (2021). At-Home Hands-on Surgical Training During Covid 19: Proof of Concept Using a Virtual Telementoring

- Platform. *Surgical Endoscopy*, 35(5), <https://doi.org/10.1007/S00464-021-08470-6>.
- Irfan, F. & Iman, H.S.K. (2020). Teachers' Elementary School in Online Learning of COVID-19 Pandemic Conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*, 5(1), 58-70.
- Jidin, R. (2020). *Teks ucapan Sidang Media Pembukaan Semula Sekolah bagi Murid Bukan Kelas Peperiksaan Awam*; 1 Julai 2020.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lapada, A. A., Miguel, F. F., Robledo, D.A.R. & Alam, Z.F. (2020). Teachers' Covid-19 Awareness, Distance Learning Education Experiences and Perceptions Towards Institutional Readiness and Challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), 127-144.
- Lee, Y.T., Shu, S. L. & Ramachandran, K. (2021). Implementation of Online Home-Based Learning and Students' Engagement During the COVID-19 Pandemic: A Case Study of Singapore Mathematics Teachers. *Asia-Pacific Edu Res*, 30(3), 299– 310.
- Lubis, M. A., Kamis, M. S., MPd, Z., Usiono, M. A., Taib, S. H., & Ikwana, Lubis SE, M. M. I. (2021). Isu terkini Pendidikan Islam di era pandemik Covid 19 di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*, 4(1), 75-91.
- Mailis, M. I. (2021). Pandangan dan Cabaran Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh Pandemik Covid-19. *Jurnal Ilmi*, 11, 14-15.
- Misty, S. S. W. C. (2020). The Reality of Home-Based Learning During Covid 19. *Journal of School Administration Research and Development*, 5(2), 86-92.
- Mohalik, R. & Suparna, S.S. (2020). E- Readiness and Perception of Student Teachers Towards Online Learning in the Modst of Covid-19 Pandemic. *Researchgate*.  
[https://www.researchgate.net/publication/343520209\\_EReadiness\\_and\\_Perception\\_of\\_Student\\_Teachers'\\_Towards\\_Online\\_Learning\\_in\\_the\\_Midst\\_of\\_COVID-19](https://www.researchgate.net/publication/343520209_EReadiness_and_Perception_of_Student_Teachers'_Towards_Online_Learning_in_the_Midst_of_COVID-19).
- Mustapa, N. N. & Norman, H. 2022. Literasi digital guru prasekolah semasa pengajaran dalam talian bagi warga natif digital di era pandemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 186-197.
- Pusparini, F., Riandi, R., & Sriyati, S. (2017). Developing Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) in Animal Physiology. *Journal of Physics: Conference Series*, 895(1).
- Rasmitadila, Aliyyah, R.R., Rachmadtullah, R., Samsudin, A., Syaodih, E., Muhammad Nurtanto & Suryanti Tambunan, A.R. (2020). The Perceptions of Primary School Teachers of Online Learning During the COVID-19 Pandemic Period: A Case Study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies*, 7(2), 90-109.
- UNICEF Malaysia. (2020). *Understanding The Impact Of Covid-19 On Vulnerable Children & Families In Malaysia Social Service Workers Share Their Experience, Perspectives And Recommendations For The Future*. UNICEF Malaysia.